

| HARI | TARIKH | M/SURAT | SABTU |
|------|--------|---------|-----------|
| .. | .. | .. | 15/2/2020 |
| | | | 36 |



Anggota KPDNHEP Kelantan merampas barang tiruan berjenama antarabangsa pada Ops Jerji di Pasir Mas kelmarin.

PASIR MAS - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas pelbagai jenis barang tiruan berjenama antarabangsa dianggarkan bernilai RM16,000 dalam Ops Jerji di sini kelmarin.

Serbuan jam 12 tengah hari itu yang dilakukan bersama anggota Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Pengkalan Kubor turut menahan seorang lelaki yang merupakan pemilik barang tersebut.

Ketua Pegawai Penguin Kuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, lelaki berusia 37 tahun itu ditahan bawah Seksyen 102 (c) Akta Cap Dagang 2019.

"Hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan ke atas premis berkenaan membawa kepada penemuan jersi jenama antarabangsa sebanyak 1,469 helai.

"Kita turut merampas 142 seluar pendek jenama antarabangsa dan 25 pasang stoking pelbagai

saiz," katanya.

Menurutnya, pendakwaan akan dijalankan dalam masa terdekat.

Azanizam Affendi berkata, dalam operasi pertama di Wakaf Bharu, Tumpat pihaknya menahan seorang lelaki warga emas di bawah Seksyen 102(c) Akta Cap Dagang 2019.

Katanya, ia melibatkan nilai rampasan berjumlah RM1,100 iaitu baju, seluar dan stoking jenama antarabangsa.